

25/04/1998

## Sejarah RTM

\* SEJARAH radio bermula pada 1921 apabila A L Birch, jurutera elektrik kerajaan Johor membawa masuk set radio pertama ke negara ini, menubuhkan Persatuan Wireless Johor dan memulakan penyiaran menerusi gelombang 300 meter. Ini diikuti penubuhan Persatuan Wireless Pulau Pinang dan di Kuala Lumpur, Persatuan Wireless Tanah Melayu.

\* Jabatan Siaran Radio Malaya ditubuhkan di Singapura, pada 1 April, 1946 (dijadikan ulang tahun RTM) dan diikuti dengan penubuhan Jabatan Penyiaran. Ketika darurat komunis pada 1948, fungsinya semakin bertambah. Pada awal tahun 50-an, penyiaran beroperasi di Jalan Young (kini Jalan Cenderasari) dan pada 1956, berpindah ke Bangunan Persekutuan Kuala Lumpur, sebelum berkembang ke Sabah dan Sarawak.

\* Radio memperoleh sumber pendapatan daripada iklan bermula pada 1960.

\* Pengenalan 'Inilah Radio Malaysia' mula diungkapkan serentak oleh juruhebah bersempena penubuhan Malaysia pada 16 September, 1963.

\* Televisyen hitam putih diperkenalkan pada 28 Disember, 1963 dari studio di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Ampang. Berpindah ke Angkasapuri dan memulakan siaran pada 6 Oktober, 1969.

\* Radio dan televisyen bergabung yang dikenali RTM dan diletakkan di bawah Jabatan Penyiaran Malaysia pada 11 Oktober, 1969.

\* TV2 mula diperkenalkan pada 17 November, 1969.

\* Radio Rangkaian Nasional memulakan perkhidmatan 24 jam pada 19 April 1971. Bersempena pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974, Radio Malaysia Ibu Kota dimulakan pada 5 November 1973 dan FM Stereo pada 20 Jun, 1975.

\* TV warna dilancarkan 28 Disember 1978 oleh Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn.

\* Pengenalan TV pagi Selamat Pagi Malaysia dimulakan pada 1 Mac 1994.

\* Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan RTM Nett pada 27 Disember, 1995.

\* Rangkaian Radio Melayu Asli (Rima) memulakan siaran pada 1 April, 1998 dan dilancarkan oleh Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat pada 11 April 1998.

\* Sehingga sekarang, RTM kekal dengan slogan 'Teman Setia Anda'.